

27/07/2004

Pelobi Bush tiada perasaan kasih sayang

By Isa Nikmat

AKHIR minggu lalu, hampir 2,000 anak muda Cina menyertai kempen berlapar untuk kemanusiaan. Walaupun tidak menahan dahaga atau ketagihan merokok, selama 30 jam itu mereka dihidangkan santapan minda, termasuk klip video kelompok masyarakat yang sengsara oleh kemiskinan, kesan perang dan kekurangan makanan.

Sesi itu sudah cukup mencabar jiwa anak muda itu untuk menyelami erti kemanusiaan. Jika air mata tidak bergenang di kelopaknya, tentu minda dan hati mereka cukup terharu, menangisi dan menginsafi keamanan, perpaduan dan kemakmuran di Malaysia menyaksikan kesengsaraan orang lain.

Malah, kempen berlapar untuk bantuan ke seluruh dunia oleh anak muda Cina itu sudah menarik lebih RM10 juta sejak lapan tahun lalu. Suasana itu meyakinkan Penaung Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (AMAN Malaysia), Datuk Hishammuddin Hussein bahawa generasi muda di negara ini berada pada hala tuju yang betul.

Pada pelancaran kempen itu, beliau berkata, ketika dunia berkembang pantas dan persaingan semakin sengit dalam era globalisasi, tidak banyak orang berbincang mengenai kasih sayang melancarkan kempen itu.

"Tanpa perluasan konsep dan amalan kasih sayang dalam globalisasi, dunia ibarat tidak berjiwa dan bernyawa."

Walaupun kasih sayang belum begitu kerap dibicarakan oleh keseluruhan rakyat Malaysia, perjuangan Wira Keamanan Dunia, Tun Dr Mahathir Mohamad nampaknya diwarisi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika berkunjung ke serata pelosok dunia, termasuk sewaktu menemui Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair, hujung minggu lalu.

Malah, amalan kasih sayang juga terserlah apabila Datuk Seri Najib Razak bersama isterinya dan Datuk Dr Latif Ahmad menziarahi Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mengalami masalah lemah jantung di hospital. Walaupun fahaman politik berbeza, kasih sayang tiada sempadan di hati mereka.

Sejak akhir-akhir ini, kita menyaksikan banyak program prihatin yang lahir daripada kasih sayang sesama insan bersemarak di kalangan rakyat Malaysia. Usaha kerajaan menyemainya di kalangan masyarakat nampak berkesan.

Mungkin kita perlu mengajak pula peniaga menyelami erti kasih sayang dan kemanusiaan ketika mencari keuntungan. Baik pemaaju perumahan, operator pungutan sampah, syarikat pelupusan sampah, pembuat kereta mahupun barangan pengguna.

Kalaulah mereka dapat meluaskan kasih sayang mereka kepada pengguna, tentulah produk yang disediakan sempurna dan terbaik. Masalah rumah retak, rumah terbungkalai, persekitaran rumah dan bandar lebih bersih, pelupusan sampah tidak mencemar alam sekitar dan kenderaan kurang bermutu tidak timbul.

Dalam sejarah dunia, ada juga bangsa yang runtuh kerana salah tafsiran terhadap kasih sayang. Mereka meluaskan konsep itu kepada hubungan seks bebas sehingga kepada amalan sama sejenis dan pelbagai jantina.

Bagaimanapun, dalam dunia hari ini pula kasih sayang sesama manusia diancam keganasan. Bush menghebahkan Iraq, Iran dan Korea Utara sebagai paksi kejahatan dunia.

Malah, seluruh dunia kini dipantau sehingga menyebabkan negara lain bimbang mendapat label yang sama lalu diancam campur tangan tentera AS. Bush secara terang-terangan berjanji dengan pengundinya untuk meruntuhkan

rejim Iran jika dia dipilih kembali sebagai Presiden.

Jika dilihat kepada usaha pelobi berpengaruh di Washington, cadangan mencerobohi dan menukar pemerintahan Iran bukan cerita baru. Ia hanyalah sebahagian daripada penjajahan di Iraq yang terkandung dalam hasil laporan penyelidikan bertajuk "The Clean Break".

Bibit mengacah keamanan di Arab Saudi dan Mesir sudah dipercikkan oleh AS baru-baru ini. Semuanya adalah sebahagian daripada kesan pendapat yang terkandung dalam "The Clean Break" dan "Russia and Mideast Vacuum". (malangnya kini semua laporan penyelidikan di laman web pelobi itu sudah terhad oleh kata laluan).

Sebenarnya, paksi kejahatan dunia adalah pelobi dan kumpulan pemikir yang berpengaruh di belakang Bush. Walaupun mungkin Presiden AS itu bertukar, berdasarkan sejarah negara itu pengaruh mereka tetap diwarisi pentadbirannya. Bantuan dan kepentingan AS sentiasa memihak kepada Israel.

Oleh itu, suatu penyelesaian mestilah dicari untuk menyekat pengaruh paksi kejahatan di belakang Presiden AS. Adalah menjadi tanggungjawab pejuang kemanusiaan, perisik dan pemimpin negara Islam menyelongkar, mengenal pasti dan menghebahkan kepada dunia siapa pelobi dan pemikir itu.

(END)